

Paras air empangan masih terkawal: MB

Penduduk diminta usah dengar khabar angin pihak berkuasa lepas air

Oleh Johan Afendi

JOHOR BAHRU: Semua penduduk berhampiran empangan diminta tidak mendengar khabar angin akan berlaku banjir besar apabila pihak berkuasa membuka empangan bagi melepaskan air.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata setakat ini, paras air di semua empangan utama masih berada pada tahap terkawal dan tidak ada cadangan membuka empangan.

"Jika kita membuka empangan, sudah tentu semua penduduk akan di-

maklumkan supaya mereka dapat mengambil langkah berjaga-jaga tetapi buat masa ini, masih tiada sebarang cadangan ke arah itu," katanya di sini, semalam.

Terdapat empat empangan utama di Johor iaitu Empangan Machap, Machap; Sembrong dan Bekok di Kluang serta Linggiu, Kota Tinggi dan semua paras air di empangan terbabit berada paras maksimum.

Keadaan itu mewujudkan kebimbangan di kalangan penduduk yang mendakwa banjir besar seperti di Kedah dan Perlis pertengahan tahun

“*Jika kita membuka empangan, sudah tentu semua penduduk akan dimaklumkan agar mereka dapat mengambil langkah berjaga-jaga ”*

Abdul Ghani Othman
Menteri Besar Johor

ini, apabila empangan dibuka.

Abdul Ghani bagaimanapun mengaku dua empangan iaitu di Sembrong serta Machap sudah melimpah tetapi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memaklumkan ia tidak membahayakan ketika ini.

"Tetapi, ia bergantung kepada keadaan cuaca esok (hari ini), jika hujan berterusan, kita mungkin terpaksa mengambil langkah melepaskan air daripada empangan secara beransur-ansur bagi mengelakkan pecah terus hingga boleh mendatangkan bencana lebih besar," katanya.